KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	28.03.22	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	PERHILITAN			

Jalan Kuala Krai-Gua Musang kawasan 'lalu-lalang' gajah

KUALA KRAI: Orang ramai yang melalui Jalan Kuala Krai-Gua Musang dekat sini diingatkan supaya berhati-hati kerana laluan tersebut kini kerap menjadi kawasan 'lalu-lalang' gajah.

Dalam kejadian malam kelmarin, seorang pengguna jalan raya berhampiran Kampung Paloh di sini terhejut apabila terserempak dengan gajah liar melintas jalan.

Bercakap kepada Utusan Malaysia, Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kelantan, Mohamad Hafid Roshari berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan haiwan itu keluar dari habitatnya kerana kekurangan makanan.

Menurut beliau, selepas menerima laporan mengenai kejadian tersebut, Perhilitan Kelantan segera ke lokasi untuk memantau perkembangan itu selain memberi amaran kepada pengguna jalan raya supaya berwaspada.

"Sebelum ini, kita tidak pernah menerima laporan mengenai kehadiran gajah di jalan utama di kawasan terbabit.

"Namun sejak akhir-akhir ini, pihak Perhilitan Kelantan semakin kerap menerima laporan orang awam mengenai kehadiran gajah yang lalu lalang di kawasan itu," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Mohamad Hafid berkata, selain perlu lebih berhati-hati ketika melalui jalan tersebut, orang ramai juga dimaklumkan segera melaporkan kepada pihak berkuasa jika terserempak gajah liar supaya tindakan susulan dapat segera dilakukan.

Terdahulu tular di media sosial klip video berdurasi 15 saat memaparkan aliran trafik terganggu seketika dengan kehadiran gajah liar yang mahu melintas jalan berhampiran Kampung Paloh, Jalan Kuala Krai-Gua Musang.